

SIRTeX

Panduan Pesakit: Selective Internal Radiation Therapy (Terapi Radiasi Dalam Terpilih) (SIRT) untuk tumor hati menggunakan mikrosfera SIR-Spheres

Sirtex komited dalam pembangunan terapi inovasi untuk kanser hati dalam usaha untuk meningkatkan kelangsungan hidup pesakit dan kualiti kehidupan.

Bagi maklumat lanjut tentang Sirtex atau untuk menghubungi kami:

SIRTeX

Sirtex Medical Limited
Level 33, 101 Miller Street
North Sydney, NSW 2060,
Australia
Tel: +61 2 9964 8400
Faks: +61 2 9964 8410

Sirtex Medical Singapore Pte Ltd
50 Science Park Road,
#01-01, The Kendall,
Singapore Science Park II,
Singapura 117406
Tel: +65 6800 6500
Faks: +65 6778 9424

1. Data dalam fail

SIR-Spheres® adalah tanda dagangan berdaftar Sirtex SIR-Spheres Pty Ltd.
797-A-0717



SIR-Spheres®
mikrosfera resin Y-90

RADIOTERAPI
DIHANTAR KEPADA TUMOR HATI


SIR-Spheres® adalah tanda dagangan berdaftar
Sirtex SIR-Spheres Pty Ltd

APA ITU SIRT?

Selective Internal Radiation Therapy (Terapi Radiasi Dalam Terpilih) (SIRT) adalah satu cara menggunakan radioterapi bagi merawat kanser hati yang tidak boleh dibuang dengan pembedahan atau teknik ablatif setempat seperti ablasi frekuensi radio (yang bermakna memusnahkan dengan menggunakan gelombang radio). Ini bermakna radiasi dihantar ke dalam atau berhampiran dengan tumor, dan bukan dihantar daripada luar badan.

APA ITU MIKROSFERA SIR-SPHERES?

Mikrosfera SIR-Spheres yang digunakan dalam SIRT adalah sangat kecil (20-60 mikron; kira-kira satu pertiga diameter sehelai rambut) manik resin yang mengandungi bahan radioaktif yttrium-90 (Y-90).



Mikrograf elektron mikrosfera SIR-Spheres

Oleh kerana saiznya yang kecil, mikrosfera memasuki saluran darah kecil tumor. Radioaktif dihantar terus kepada tisu tumor.


BAGAIMANA SIRT BERFUNGSI?

Radiasi adalah satu cara yang berkesan untuk memusnahkan tisu tumor dan digunakan secara meluas dalam rawatan kanser.

Walau bagaimanapun, organ dan tisu di dalam badan adalah sensitif kepada radiasi dan mungkin juga boleh rosak disebabkan oleh rawatan radiasi. Oleh itu, radioterapi konvensional (radiasi pancaran luaran yang

dihantar dari luar badan) hanya dapat diberikan kepada kawasan badan yang terhad.

Hati hanya boleh menerima dos kecil radioterapi luaran. Oleh kerana SIRT menasarkankan tumor, ia boleh menghantar dos radiasi yang lebih besar secara terus bagi masa yang lebih lama berbanding dengan radiasi pancaran luaran.




Tumor hati yang dirawat dengan mikrosfera SIR-Spheres

BAGAIMANA MIKROSFERA SIR-SPHERES BERFUNGSI?

Disebabkan oleh bekalan darah hati yang unik, mikrosfera SIR-Spheres boleh dihantar terus ke dalam tumor hati. Rawatan sasaran ini membolehkan dos radiasi maksimum diberikan kepada hati di samping mengurangkan pendedahan kepada tisu sihat yang ada.

Mikrosfera tersebut cukup kecil untuk mengalir melalui arteri hepatik, tetapi ia terlalu besar untuk melalui saluran darah kecil di dalam tumor, di mana ia terbenam dalam tumor secara kekal.



Mikrosfera SIR-Spheres mengalir dengan darah

SIRT SESUAI UNTUK SIAPA?

SIRT hanya sesuai untuk pesakit yang mempunyai tumor hati sama ada hanya hati merupakan tempat penyakit atau hati adalah tempat utama penyakit. SIRT tidak mempunyai kesan ke atas tumor di luar hati.


Sebelum SIRT boleh ditawarkan sebagai pilihan rawatan untuk pesakit, terdapat beberapa faktor lain yang perlu dipertimbangkan. Paling penting, anda perlu mempunyai hati yang cukup sihat yang berfungsi dengan memuaskan. Ini biasanya ditentukan melalui ujian darah yang mudah.

SIAPA YANG MELAKUKAN PROSEDUR SIRT?

Prosedur SIRT dijalankan oleh pasukan perubatan yang merangkumi pakar yang dikenali sebagai pakar radiologi intervensi, bersma-sama dengan pakar lain yang dilatih untuk bekerja menggunakan radiasi.

BAGAIMANA MIKROSFERA SIR-SPHERES DIBERIKAN?

Pakar radiologi intervensi membuat tusukan kecil, biasanya ke dalam arteri femoral berhampiran pangkal paha. Tiub fleksibel yang kecil, yang dikenali sebagai kateter, kemudian dimasukkan melalui arteri ke dalam hati. Mikrosfera SIR-Spheres diberikan melalui kateter. Keseluruhan prosedur mungkin mengambil masa kira-kira 90 minit. Anda akan mengantuk semasa prosedur tetapi anda boleh berkomunikasi dengan doktor dan pasukan yang merawat anda.



Pemberian mikrosfera SIR-Spheres

APA YANG PASUKAN RAWATAN SAYA AKAN LAKUKAN SEBELUM MEMBERIKAN SIRT?

Pasukan rawatan anda akan ingin mengetahui tentang sejarah kanser anda terdahulu dan sebarang masalah kesihatan lain. Mereka kemudian akan menjalankan beberapa ujian awal untuk memastikan anda boleh menerima SIRT dengan selamat. Biasanya pesakit akan menjalani dua prosedur di bawah sedasi sedar. Kedua-dua prosedur akan merangkumi prosedur radiologi yang dikenali sebagai angiogram.

Tujuan angiogram atau pemetaan pertama adalah untuk menyediakan hati bagi rawatan SIRT. Semasa prosedur pemetaan, pakar radiologi intervensi anda akan menghalang (embolise) saluran darah untuk mengurangkan potensi mikrosfera mengalir ke kawasan di luar hati anda (contohnya perut atau usus). Anda juga akan menerima sejumlah kecil radioaktif "manik ujian" untuk memeriksa sebarang jumlah aliran manik dari hati ke paru-paru.

Dengan andaian bahawa keputusan ujian awal ini boleh diterima, dos mikrosfera SIR-Spheres akan ditentukan. Mikrosfera SIR-Spheres akan diberikan semasa prosedur kedua yang biasanya dijalankan satu hingga dua minggu selepas ujian awal selesai.




ADAKAH SAYA PERLU MENGHENTIKAN RAWATAN KEMOTERAPI SAYA UNTUK MENERIMA SIRT?

Secara umumnya, kemoterapi kebanyakan pesakit dihentikan dua minggu sebelum prosedur SIRT dan dua minggu selepasnya. Walau bagaimanapun, pakar onkologi anda akan menentukan sama ada kemoterapi anda perlu dihentikan pada masa ini.

APAKAH POTENSI MANFAAT MIKROSFERA SIR-SPHERES?

Data klinikal menunjukkan bahawa apabila digunakan dalam gabungan dengan kemoterapi, mikrosfera SIR-Spheres boleh mengecutkan tumor hati pesakit kanser kolorektal lebih daripada kemoterapi sahaja, memperbaiki kualiti kehidupan dan meningkatkan jangka hayat. Bagi sebilangan kecil pesakit, rawatan boleh menyebabkan pengecutan yang mencukupi bagi tumor hati untuk membolehkan pembuangannya melalui pembedahan pada satu tarikh kelak. Pada pesakit yang tumor hati tidak lagi bertindak balas terhadap kemoterapi, mikrosfera SIR-Spheres juga telah digunakan dengan jayanya untuk mengecutkan tumor ini dan memanjangkan kelangsungan hidup pesakit. Terdapat banyak penerbitan dalam kesusasteraan saintifik mengenai penggunaan mikrosfera SIR-Spheres dalam rawatan pesakit yang menghidap metastasis hati atau kanser hati primer.¹



Pengecutan tumor selepas 6 bulan

APA YANG AKAN BERLAKU SELEPAS SAYA MENERIMA SIRT?

Sejurus selepas prosedur SIRT, anda akan dibawa untuk imbasan bagi mengesahkan bahawa mikrosfera SIR-Spheres telah dimasukkan ke dalam hati anda. Anda juga akan dipantau untuk beberapa jam selepas prosedur bagi membolehkan pasukan rawatan menentukan sama ada anda mempunyai sebarang kesan sampingan atau komplikasi yang memerlukan ubat tambahan.

Oleh kerana anda akan menerima rawatan radioaktif, terdapat beberapa langkah berjaga-jaga ringkas yang perlu diambil dalam tempoh 24 jam pertama selepas prosedur SIRT. Langkah-langkah pencegahan termasuk: membasuh tangan dengan teliti selepas ke tandas; membersihkan sebarang tumpahan cecair badan seperti darah, air kencing atau najis dan membuangnya ke dalam tandas. Anda akan diberi maklumat lanjut mengenai langkah berjaga-jaga ini oleh pasukan rawatan anda. Pasukan rawatan anda juga akan memantau kemajuan anda menggunakan ujian darah dan imbasan radiografi pada jangka masa berkala.

BILAKAH SAYA BOLEH PULANG KE RUMAH SELEPAS SIRT?

Ini bergantung kepada peraturan hospital tempatan. Biasanya, anda boleh discaj 4-6 jam selepas prosedur. Kebanyakan pesakit boleh meneruskan aktiviti harian biasa mereka dua hingga tiga hari selepas rawatan. Dalam keadaan yang jarang berlaku, sesetengah pesakit mungkin perlu bermalam di hospital untuk pemerhatian.

APAKAH KESAN SAMPINGAN YANG DIKAITKAN DENGAN MIKROSFERA SIR-SPHERES?

Hampir semua rawatan dan ubat-ubatan boleh menghasilkan kesan sampingan yang tidak diinginkan. Sesetengah kesan sampingan mungkin sedikit, membuat anda berasa tidak selesa, tetapi sebilangan kecil boleh menjadi serius. Setiap orang berbeza dalam cara mereka bertindak balas terhadap rawatan.

Ramai pesakit mengalami sakit abdomen dan/atau loya yang biasanya berkurang selepas masa yang singkat dan/atau dengan ubat biasa. Ramai pesakit juga mengalami demam ringan yang mungkin berlangsung sehingga seminggu dan keletihan yang mungkin berlanjutan selama beberapa minggu. Sebagai langkah berjaga-jaga, anda mungkin menerima ubat-ubatan tambahan seperti ubat tahan sakit, anti-radang, anti-loya dan ubat-ubatan anti-ulser dengan rawatan anda dengan tujuan untuk mencegah atau mengurangkan kesan sampingan ini.

APAKAH POTENSI KOMPLIKASI DARIPADA MIKROSFERA SIR-SPHERES?

Dalam keadaan yang jarang berlaku dan walaupun dengan orang yang berpengalaman, ada kemungkinan sebilangan kecil mikrosfera secara tidak sengaja sampai ke organ-organ lain dalam badan, seperti pundi hempedu, perut, usus atau pankreas. Jika mikrosfera SIR-Spheres sampai ke organ-organ ini, ia boleh menyebabkan keradangan pundi hempedu (kolesistitis), perut (gastritis) atau usus (duodenitis). Komplikasi ini jarang berlaku, tetapi jika salah satu berlaku, ia biasanya memerlukan rawatan tambahan. Pasukan

rawatan anda akan menerima latihan khas untuk mengurangkan risiko-risiko ini dan untuk menghalangnya daripada berlaku.

ADAKAH RAMBUT SAYA AKAN GUGUR?

Keguguran rambut (alopesia) tidak pernah dilaporkan berikutan rawatan dengan mikrosfera SIR-Spheres. Jika anda menerima kemoterapi, ini mungkin menyebabkan keguguran rambut, walau bagaimanapun mikrosfera SIR-Spheres tidak akan membuatnya lebih teruk.

ADAKAH TERDAPAT APA-APA YANG PERLU SAYA ELAKKAN?

Anda tidak boleh menerima rawatan SIRT jika anda hamil dan anda tidak boleh hamil dalam tempoh dua bulan selepas dirawat kerana ini boleh menyebabkan kemudaratan yang tidak dapat dipulihkan kepada bayi dalam kandungan. Oleh itu kontraseptif yang berkesan mesti digunakan pada sepanjang masa dalam tempoh ini. Anda tidak boleh menyusui badan dalam tempoh dua minggu pertama selepas rawatan dan tidak boleh menggunakan susu yang diperah dalam tempoh ini untuk diisi ke dalam botol bagi menyusui bayi anda.

ADAKAH SAYA PERLU MENUKAR APA YANG SAYA MAKAN ATAU MINUM?

Tidak. Anda boleh dan perlu makan dan minum seperti biasa. Jumlah makanan yang mencukupi dan khususnya cecair akan membantu anda kembali kepada aktiviti harian biasa anda. Doktor anda adalah orang yang terbaik untuk memberi nasihat mengenai penggunaan alkohol.

